



Perpindahan Ibu Negara Indonesia Ke Kalimantan Timur dan Kesan Kepada Keselamatan Malaysia Timur

(The Relocation of Capital City of Indonesia and Its Impact Towards East Malaysia Security)

Azrul Azlan Abdul Rahman¹, Noraini Zulkifli^{2*}, Amer Fawwaz Mohd Yasid³,
Wan Norhasniah Wan Hussin⁴

¹Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: azrulazlan@upnm.edu.my

²Jabatan Pengajian Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang- Undang, Fakulti Pengurusan dan Pengajian Strategik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: noraini@upnm.edu.my

³Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: amerfawwaz@upnm.edu.my

⁴Jabatan Pengajian Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang- Undang, Fakulti Pengurusan dan Pengajian Strategik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: hasniah@upnm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Noraini Zulkifli
(noraini@upnm.edu.my)

KATA KUNCI:

Ancaman
Indonesia
Keselamatan Bukan Tradisional
Keselamatan Nasional Malaysia
Timur
Persempadanan Sarawak-
Kalimantan

KEYWORDS:

Border Sarawak- Kalimantan
East Malaysia National Security
Indonesia
Non- traditional security issues
Threats

CITATION:

Azrul Azlan Abdul Rahman et al. (2022).
Perpindahan Ibu Negara Indonesia Ke
Kalimantan Timur dan Kesan Kepada
Keselamatan Malaysia Timur. *Malaysian*

Isu persempadanan menjadi faktor yang boleh mengancam kedaulatan sesebuah negara kerana ia memberi impak dari sudut tradisional dan bukan tradisional. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan perpindahan ibu negara Indonesia kepada keselamatan Malaysia Timur. Ini kerana rancangan perpindahan ini melibatkan peningkatan pembangunan yang besar serta menyeluruh. Objektif kajian ini adalah Untuk mengenal pasti ancaman keselamatan yang wujud di sempadan Sarawak- Kalimantan dan mengkaji kesan perpindahan ibu negara Indonesia kepada keselamatan nasional Malaysia Timur dan Kajian ini mengguna pakai metod kualitatif di mana sebahagian data dikumpulkan melalui data sekunder yang diperolehi melalui kajian perpustakaan. Ini termasuk buku ilmiah, artikel jurnal, laporan-laporan sulit yang dilepaskan (*public domain*) serta dasar-dasar keselamatan dan pertahanan sesebuah kerajaan. Manakala data-data primer diperolehi melalui temu bual bersemuka dengan pakar bidang serta pegawai yang terlibat secara langsung berkaitan topik kajian dari Malaysia dan Indonesia. Kesimpulan kajian ini adalah, terdapat ancaman tradisional dan bukan tradisional di persempadanan Malaysia-Indonesia. Perpindahan ibu negara Indonesia telah memberikan kesan dari sudut politik, ekonomi dan keselamatan kepada Malaysia Timur. Kerajaan Malaysia perlu menambah anggota keselamatan

Journal of Social Sciences and Humanities
(MJSSH), 7(7), e001592.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1592>

untuk bersiap siaga di sepanjang persempadanan selain mengadakan hubungan diplomatik yang lebih erat dengan negara Indonesia bagi mengeratkan kerjasama di masa hadapan.

ABSTRACT

The issue of borders is a factor that can threaten the sovereignty of a country because it has an impact from traditional and non-traditional angles. This study is conducting to examine the impact of the relocation of the Indonesian capital on the security of East Malaysia. This is because the relocation plan involves a large and comprehensive development increase. The objectives of this study are to identify security threats that exist on the Sarawak-Kalimantan border and to study the impact of the Indonesian capital on national security in East Malaysia. This study adopts a qualitative method in which part of the data is collected through secondary data obtained through a library study. These include scholarly books, journal articles, confidential reports released (public domain) as well as the security and defense policies of a government. While the primary data was obtained through face-to-face interviews with experts and officials directly involved in the topic of study from Malaysia and Indonesia. The conclusion of the survey is that there are traditional and non-traditional threats at the border. The relocation of the Indonesian capital has had a political, economic and security impact on East Malaysia. The Malaysian government is adding security personnel to be on alert along the border as well as establishing closer diplomatic relations with Indonesia.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur mengenai impak perpindahan ibu kota Indonesia dari sudut keselamatan.

1. Pengenalan

Pada 16 Ogos 2019 Presiden Joko Widodo (Jokowi) telah mengumumkan bahawa ibu negara Indonesia dari Jakarta akan dipindahkan ke Kalimantan Timur pada 2024 (Muji, 2019). Pada tahun 1957, Presiden Sukarno telah bercadang untuk memindahkan ibu negara Indonesia ke Kalimantan tetapi hasrat itu terpaksa dibatalkan kerana pada tahun berkenaan Indonesia perlu menjadi tuan rumah untuk sukan Asian (Hendra Kusuma, 2019). Sebelum Jakarta menjadi ibu negara Indonesia, Yogyakarta merupakan ibu negara Indonesia sejak tahun 1946 (Vina, 2020). Walaupun perpindahan ibu negara Indonesia tidak melibatkan Malaysia, namun ia turut memberikan kesan kepada negara Malaysia dari sudut keselamatan tradisional dan keselamatan bukan tradisional. Dari sudut keselamatan tradisional, isu keselamatan di sempadan menjadi topik yang perlu diperhalusi. Ini kerana ia melibatkan dua negara berbeza. Isu persempadanan menjadi faktor yang boleh mengancam kedaulatan sesebuah negara. Menurut Timbalan Menteri dalam negeri Jelaing Mersat, kakitangan Keselamatan sedia ada tidak cukup untuk melakukan pemantauan dan pengawasan sempadan Kalimantan-Sarawak kerana Sempadan Sarawak, Sabah dan Kalimantan terlalu luas dan panjang untuk memagar, seperti pada pos sempadan Tebedu (The Star, 2009). Namun bagi rakyat yang sudah

lama bermastautin di kawasan persempadanan, mereka tidak melihat sempadan sebagai satu perkara yang memisahkan mereka, malah sempadan tidak pernah berada dalam fikiran mereka. Sebagai contoh, Kumpulan Hak Asasi Minoriti Antarabangsa (MRGI), orang asli kaum Dayak yang tinggal di Kalimantan kini dilaporkan terperangkap dengan usaha mempertahankan tanah tradisi mereka, dan hutan daripada aktiviti pembalakan, perlombongan serta perladangan kelapa sawit ([Berita Harian Online, 2019](#)).

Dari sudut keselamatan bukan tradisional pula, ia memberikan dilema keselamatan kepada kedua- dua negara kerana kebarangkalian sempadan dijadikan jalan tikus oleh pendatang asing tanpa izin (PATI), penyeludupan barangan serta haiwan terlarang, pencari suaka ([Berita Harian Online, 2019](#)) dan perdagangan kereta yang dicuri ([Farik, 2019](#)). Menurut pesuruh jaya polis Sarawak, Datuk Ramli Din, pihak polis berpendapat masalah bukan tradisional akan timbul dengan banyak dan pihak polis perlu lebih berwaspada dengan keadaan ini ([The Star, 2020](#)). Pihak polis perlu menambahkan lagi anggota sebagai langkah persediaan. Menurut [Hendra Manurung \(2019\)](#) pihak tentera Indonesia telah menyenaraikan sebanyak 100 Trilion Rupiah diperlukan untuk membina sistem keselamatan di Kalimantan Timur di mana ia termasuk pusat pentadbiran, pembangunan fasiliti ketenteraan (Laut dan udara), pesawat pejuang dan peluru berpandu berpusat. Indonesia telah menambah kekuatan angkatan tenteranya sebanyak 5.737 anggota ke Kalimantan Timur ([Wartakota, 2019](#)). Di sempadan Malaysia pula, setakat ini hanya terhadap empat pos Regimen Sempadan (RS) di tempatkan di kawasan ini iaitu Batalion ke- 6 RS, Batalion ke- 7 RS, Batalion ke- 9 RS dan Batalion ke-10 RS. Kesemua batalion ini diletakkan di bawah Briget ke-31 Infantri. Butiran lanjut pos sempadan adalah seperti ditunjukkan dalam [Rajah 1](#). Menurut Tan Sri Datuk Amar Dr James Jemut Masing perpindahan ibu negara Indonesia ini akan menyebabkan kemasukan rakyat secara besar- besaran ke sempadan Malaysia untuk tempoh lima hingga enam tahun akan datang ([Kong, 2019](#)).

Rajah 1: Kompleks Kastam, Imigresen Kuarantin (CIQ) dan Kem tentera di sepanjang Sempadan Sarawak- Kalimantan



Sumber: [Majalah Keselamatan \(MK\) Panglima Medan Timur Tentera Darat \(PMTTD\)](#). (2018)

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan perpindahan ibu negara Indonesia kepada politik dan keselamatan Malaysia Timur. Ini kerana rancangan perpindahan ini melibatkan peningkatan pembangunan yang besar serta menyeluruh. Di pihak kerajaan Indonesia, negara itu telah menambah kekuatan angkatan tenteranya sebanyak 20,000 personel di bahagian timur, barat dan utara Kalimantan di mana (Evan Laksmna, 2019). Di pihak Malaysia, perpindahan ini dilihat memberikan kesan kepada keselamatan nasional kerana kedua – dua negara berkongsi sempadan daratan yang panjang. Setakat ini hanya terhadap empat pos rejimen sempadan di tempatkan di kawasan ini. Menurut Tan Sri Datuk Amar Dr James Jemut Masing perpindahan ibu negara Indonesia ini akan menyebabkan kemasukan rakyat secara besar- besaran ke sempadan Malaysia untuk tempoh lima hingga enam tahun akan datang (Kong, 2019).

2. Ancaman keselamatan yang wujud di sempadan Sarawak- Kalimantan

Isu keselamatan sempadan bukanlah satu isu terpencil terutamanya melibatkan kawasan sempadan Sarawak- Kalimantan. Dari perspektif sejarah, kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan telah mengalami beberapa ancaman melibatkan pencerobohan sempadan negara terutamanya ketika era Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963-1966 (Ho, 2015: 171-173). Menurut Smith (1985) serta James dan Denis (1965: 63) ketika era Konfrontasi, kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan telah dicerobohi anasir-anasir subversif melibatkan pencerobohan Tentera Nasional Kalimantan Utara serta Unit-Unit Pasukan Gerila yang dinaungi oleh Parti Komunis Indonesia bagi melancarkan dasar konfrontasi “Ganyang Malaysia” yang didokongi oleh Presiden Sukarno ketika beliau ditampuk pemerintahan. Konfrontasi Indonesia- Malaysia berlaku disebabkan oleh ketidakpuasan hati Presiden Sukarno terhadap gagasan penubuhan negara Malaysia yang dianggap sebagai satu bentuk neo-kolonialisme penjajahan alaf baharu (Hanna, 1964, Mohd Reduan & Mohd Radzuan, 1984). Selepas tamatnya Konfrontasi Malaysia-Indonesia, terutamanya ketika era tahun 1970-an, terdapat isu keselamatan dalam negeri melibatkan pengoperasian unit-unit gerila yang dijalankan oleh Parti Komunis Kalimantan Utara serta Pertubuhan Komunis Sarawak (Sarawak Clandestine Organization-SCO) yang beroperasi di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan (Mohd Azzam, 2014:358). Menurut pandangan ahli akademik seperti Jackson (1991), Tan (2008) serta Mohd Reduan (1993) anasir-anasir subversif seperti Pertubuhan Komunis Sarawak turut beroperasi di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan bagi mendapatkan bekalan logistik seperti bekalan makanan, ubat-ubatan, peluru serta senjata api dari penyokong-penyokong Parti Komunis Kalimantan Utara yang berada di kawasan Kalimantan serta sekitar kawasan sempadan negara.

Setelah tamatnya ancaman komunis di negeri Sarawak sekitar tahun 1990-1991, terdapat sedikit perubahan terhadap keadaan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan. Walau bagaimanapun, wujudnya ancaman baharu melibatkan kegiatan aktiviti penyeludupan serta kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), sekali lagi telah mewujudkan ancaman jenayah rentas sempadan yang berpusat di sekitar kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan. Kajian oleh Mochammad Faisal (2015:95-100) telah menunjukkan keadaan ini berlaku adalah disebabkan pelaksanaan program pembangunan kerjasama lintas sempadan di antara kerajaan Malaysia dan Indonesia bagi meningkatkan sektor perdagangan dua hala penduduk setempat telah bermula sejak dari tahun 1990 lagi. Kerjasama lintas sempadan ini memberikan peluang kepada penduduk tempatan yang menetap di kawasan Tebedu (Sarawak) dan Entikong (Kalimantan Barat) untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan perniagaan secara kecil-kecilan. Walaupun terdapat segelintir pihak telah menyalahgunakan peluang serta

ruang yang telah diberikan oleh pihak kerajaan di kedua-dua buah negara untuk melakukan kegiatan jenayah rentas sempadan dengan berlindung di sebalik kegiatan perdagangan dan perniagaan di sekitar kawasan sempadan Sarawak- Kalimantan. Salah satu daripada ancaman yang wujud adalah melibatkan kegiatan penyeludupan kayu balak secara haram yang di bawa masuk dari wilayah Kalimantan ke negeri Sarawak.

Kajian oleh [Wadley dan Eilenberg \(2005:19-34\)](#) telah mengesahkan terdapatnya aktiviti kemasukan kayu balak yang ditebang secara haram di Kalimantan, telah di seludup masuk dan dijual di negeri Sarawak. akan berlaku di antara kedua-dua buah negara. Walaupun dari sudut ekonomi negara, aktiviti penebangan, penjualan serta pengeksportan kayu balak merupakan aktiviti yang mampu menjana sumber ekonomi khususnya kepada negara Malaysia dan Indonesia, akan tetapi dari sudut perundangan, kegiatan penyeludupan kayu balak merupakan sejenis jenayah yang mampu menimbulkan ancaman terhadap keselamatan ekonomi negara Malaysia.

[Junaenah et al. \(2013:549-553\)](#) menyifatkan diantara ancaman keselamatan yang wujud di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan adalah aktiviti penyeludupan barangan haram serta kemasukan PATI, disebabkan kedudukan kawasan sempadan yang jauh terpencil dan kurang membangun. Aktiviti yang melibatkan jenayah rentas sempadan kerap kali berlaku di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan disebabkan kewujudan "lorong-lorong tikus" yang digunakan oleh kumpulan penyeludup dan penjenayah untuk masuk dan keluar dari negara Malaysia tanpa dikesan dengan mudah oleh pihak berkuasa. Malahan, rakyat Indonesia yang menetap di sekitar kawasan sempadan, turut menggunakan lorong-lorong tikus sebagai kemudahan kepada mereka untuk bergerak dari kawasan Kalimantan ke Sarawak, sebagai jalan pintas bagi menjimatkan masa, selain tidak perlu melalui kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin (CIQ) bagi tujuan pemeriksaan keselamatan dan dokumentasi ([Azdatul, 2022](#)). Penduduk tempatan di sekitar kawasan Kalimantan Barat sering kali menggunakan jalan tikus untuk ke pekan Sarikin, Sarawak bagi melakukan aktiviti harian seperti mendapatkan barangan keperluan harian, ataupun untuk pergi bekerja ke pekan berdekatan seperti Bau. Kewujudan lorong-lorong tikus ini tidak dapat dikawal oleh agensi penguatkuasaan keselamatan sempadan kedua-dua buah negara, memandangkan kewujudan lorong tikus ini telah wujud semenjak zaman pemerintahan kolonial Inggeris di Sarawak lagi. Masalah jenayah rentas sempadan yang disebabkan oleh kewujudan lorong-lorong tikus merupakan masalah utama yang perlu dihadapi oleh agensi penguatkuasaan keselamatan sempadan kedua-dua negara ([Azdatul, 2022](#)). Sekiranya masalah ini tidak diselesaikan, ia akan menimbulkan ancaman keselamatan kepada negara Malaysia, khususnya kepada keselamatan dalam negeri Sarawak.

Masalah sempadan negara yang tidak jelas dan terlalu luas menyebabkan sering kali berlakunya pertelingkahan di antara kerajaan Malaysia dan Indonesia berkaitan kedudukan tepat kawasan sempadan Sarawak-Indonesia. Pada masa yang sama, aktiviti jenayah rentas sempadan turut berlaku di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan, melibatkan aktiviti kecurian kenderaan pacuan empat roda yang dijalankan oleh sindiket jenayah dari Sarawak, untuk dijual ke Kalimantan ([Nuurrianti & Ismail, 2020:402-406](#)). Tambahan pula, masalah kemasukan Pendatang Haram Tanpa Izin (PATI) turut berlaku di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan melibatkan kemasukan PATI dari Indonesia melalui jalan darat dan jalan air. Berdasarkan maklumat di atas, keadaan ini telah menunjukkan wujudnya ancaman keselamatan di sekitar kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan yang berorientasikan masalah jenayah rentas sempadan. Selain daripada itu, kegiatan penyeludupan dadah turut dikesan berlaku di


kawasan sempadan Kalimantan-Indonesia dengan modus operandi sindiket penyeludupan dadah antarabangsa menjadikan negeri Sarawak sebagai hab transit penyeludupan dadah sebelum membawa masuk bekalan dadah ke Kalimantan (Mohd Hairuddin, 2020). Jaringan hubungan jalan raya di kawasan sempadan telah menyebabkan penyeludup dadah menggunakan pelbagai taktik serta kaedah penyeludupan dadah dengan menggunakan kenderaan awam seperti kereta, bas serta perkhimatan kurier bagi membawa dadah untuk dijual ke pasaran antarabangsa.

3. Kesan Perpindahan Ibu Negara Indonesia kepada Keselamatan Nasional Malaysia Timur

Terdapat kesan positif dan negatif terhadap perpindahan ibu negara Indonesia kepada keselamatan Malaysia Timur. Kesan positif adalah peningkatan pengawalan sempadan bagi mengekang aktiviti penyeludupan. Hal ini kerana Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk menambah pos kawalan sempadan darat terutamanya di kawasan panas seperti Lubok Antu, Biawak, Seliku dan Ba'Kelalan (Berita Harian Online, 2017). Tambahan pula pembinaan Pos kawalan keselamatan di Sempadan Sabah dan Sarawak menjadi keutamaan kerajaan Malaysia berdasarkan belanjawan tahun 2022 yang memperuntukkan sebanyak RM 100 juta bagi pembinaan Pos kawalan keselamatan di Sempadan Malaysia Indonesia (Hansard Parlimen, 2021).

Kesan positif yang lain adalah peningkatan kerjasama keselamatan secara trilateral antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), *Armed Forces of the Philippines* (AFP) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI) dalam menangani masalah jenayah rentas sempadan dan kegiatan *Kidnap for Ransom* (KFR). Menurut Rifky (2020) terdapat kerjasama Trilateral Indonesia, Malaysia, Filipina melalui kerjasama *Trilateral Maritime Patrol Indomalphi* (TMPI) di Laut Sulu-Sulawesi bermula pada tahun 2017. Dalam kerjasama ini terdapat tiga program kegiatan rondaan yang secara langsung mengimplementasikan tindakan dari rondaan terkoordinasi di antara Indonesia, Malaysia dan Filipina di laut Sulu-Sulawesi. Program tersebut adalah *Port Visit Trilateral Maritime Patrol Indomalphi*, *Maritime Command Center* dan *Sea Lane Corridor*. Menurut ReCAAP Annual Report (2019) seperti di Rajah 2, TMPI menunjukkan keberkesanannya dengan penurunan aktiviti jenayah rentas sempadan dan kegiatan *Kidnap for Ransom* (KFR) terutamanya dalam tahun 2017 dan 2018.

Rajah 2: Aktiviti Jenayah Rentas Sempadan dan Kegiatan *Kidnap for Ransom* di Laut Sulu 2017-2018



Sumber: ReCAAP Annual Report 2019

Kejayaan kerjasama TMPI ini akan menjadi pemangkin terhadap beberapa kerjasama Trilateral yang lain. Menurut [Wirajuda Hassan \(2021\)](#) Indonesia komited untuk meneruskan kerjasama Trilateral melalui TMPI dan akan memujuk Malaysia dan Filipina untuk mengadakan kerjasama Trilateral lain bagi membanteras ancaman keselamatan terutamanya di Laut Sulu.

Kesan negatif terhadap perpindahan ibu negara Indonesia kepada keselamatan Malaysia Timur adalah kewujudan laluan penyeludupan yang baru. [Berita Harian Online \(2021\)](#) melaporkan sebanyak 30 laluan penyeludupan baru dikesan pada tahun 2020. Antara laluan baru penyeludupan adalah Tapak Megah, Rantau Pandora di Bahagian Kapit dan Ba'Kelalan di Bahagian Limbang, Sarawak. Di Sabah pula membabitkan sebahagian kawasan pantai barat iaitu di Kudat, Pitas, Sandakan dan Tawau. Menurut [Mohd Zubil \(2021\)](#) beberapa faktor menjadikan lokasi berkenaan sebagai pintu masuk penyeludupan antaranya jarak sempadan yang hampir dengan negara jiran. Biasanya penyeludup memilih kedudukan yang sangat hampir dengan lokasi pendaratan serta kawasan terpencil kerana aktiviti penyeludupan perlu dilakukan dengan pantas. Selain itu, pembabitkan warga tempatan dalam aktiviti ini juga memainkan peranan kerana mereka boleh bertindak sebagai tonto atau pemandu arah di mana penyeludup akan mendarat. Namun, taktik atau modus operandi penyeludup juga sering berubah-ubah untuk mengelirukan pihak keselamatan.

4. Analisis

Perpindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan memberikan kesan yang positif dan negatif kepada Malaysia. Ini kerana Malaysia telah berkongsi sempadan daratan dengan Indonesia, di mana ia memudahkan pergerakan keluar masuk rakyat dari kedua-dua negara. Malaysia perlu bersiap sedia untuk menghadapi apa-apa ancaman pada bila-bila masa kerana perpindahan ibu negara akan menyebabkan perpindahan rakyat secara lebih ramai ke kawasan Kalimantan. Dari sudut keselamatan nasional, apabila berlakunya pertambahan penduduk maka berkemungkinan akan menyebabkan berlakunya mobiliti yang tinggi. Pos- pos kawalan imigresen dan kastam perlu ditambah serta ditambah baik sistem keselamatannya bagi mengurangkan masalah seperti penyeludupan, rasuah dan kesesakan. Pasukan keselamatan seperti Rejimen sempadan dan juga Polis Hutan boleh ditambah untuk membantu dalam usaha mengurangkan masalah di kawasan sempadan. Pelaksanaan rondaan berkala, serang tangkap, pengawasan serta pemerhatian dan melakukan pemeriksaan serta pengawalan di kawasan tanggungjawab bagi menghalang sebarang bentuk ancaman keselamatan, mencegah penyeludupan, kemasukan PATI serta aktiviti-aktiviti lintas batas di sempadan perlu dipergiatkan bagi memastikan keselamatan di sempadan daratan negara terjamin. Selain itu kerjasama dengan pihak berkuasa Indonesia sangat penting bagi menyokong hubungan diplomatik dua negara. Selain itu, kedua negara mungkin boleh mengadakan kawalan bersama bagi meningkatkan kualiti keselamatan.

Jika dilihat dari sudut strategiknya, perpindahan ibu negara Indonesia ini juga akan mengubah landskap keselamatan di Asia Tenggara di mana pertambahan aset-aset ketenteraan akan berlaku dari tahun ke tahun. Keadaan ini disebabkan oleh kepentingan kawasan di Kalimantan Timur itu sendiri sebagai pusat baru pemerintahan sebuah negara. Oleh itu, terdapat dua kemungkinan yang bakal berlaku kepada Malaysia Timur. Pertama, jika Kalimantan Timur berubah menjadi satu kawasan baru yang moden serta mempunyai pelbagai fasiliti yang canggih, berkemungkinan berlaku migrasi rakyat dari

Malaysia Timur ke Kalimantan Timur. Ia bersesuaian dengan pemodenan yang berlaku. Oleh ia akan merencanakan pembangunan dan ekonomi bagi negara Indonesia. Kedua, apabila berlaku pemodenan yang pesat di Kalimantan Timur, ia akan menjejaskan ekosistem di kawasan itu kerana habitat asal flora dan fauna akan terjejas. Ia boleh mendatangkan masalah keselamatan kepada rakyat di Malaysia Timur jika haiwan-haiwan yang kehilangan habitat asalnya mula mencari kawasan baharu untuk didiami. Contohnya gajah dan harimau mula keluar dari hutan dan berkeliaran di kampung-kampung serta merosakkan tanaman serta fasiliti penduduk. Hal ini mampu mengancam keselamatan nyawa rakyat.

Dari prospek ekonomi pula, kedua- dua negara boleh bekerjasama untuk merencanakan ekonomi masing- masing seperti membangunkan industri bersama. Selain itu, Malaysia juga boleh mengimport tenaga kerja dari Indonesia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di Malaysia Timur. Akhir sekali, dari aspek sosial pula, nilai serumpun yang telah wujud di kalangan rakyat Malaysia- Indonesia tidak dapat dinafikan. Oleh itu, bagi memupuk serta melestarikan hubungan kedua negara, aktiviti- aktiviti sosial boleh dirangka oleh kedua negara. Sebagai contoh, pesta- pesta keraian dan keramaian boleh diadakan. Selain itu, konsulat boleh ditambah di kawasan ini bagi menjaga kebajikan rakyat masing-masing.

5. Kesimpulan

Perpindahan Ibu negara bagi sesebuah negara bukanlah suatu perkara yang dangkal kerana ia sering terjadi kepada banyak negara. Namun sebagai negara yang mempunyai persempadanan darat yang luas dengan Indonesia, beberapa aspek perlu dikaji kerana sebarang perubahan yang berlaku di kawasan Kalimantan Timur sedikit sebanyak akan memberikan kesan keselamatan kepada Malaysia Timur khususnya. Apa yang menjadi penekanan kepada Malaysia pada ketika ini adalah untuk mengurangkan segala bentuk ancaman yang boleh mengganggu gugat kestabilan dan keharmonian negara.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan diberikan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi kerana memberikan geran CRG/UPNM/2021/SSK/8.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan tajaan atau bantuan kewangan dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, geran CRG/UPNM/2021/SSK/8 .

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Rujukan

Azdatul Azwean Ahmad. (2022). Temubual. Pegawai Gerak Batalion Kesembilan Rejimen Sempadan, Sibul, Sarawak. Temubual dijalankan pada 15 Januari 2022 di Maktab Turus Angkatan Tentera, Putrajaya.

- Berita Harian Online. (20 Ogos, 2019). Pemindahan ibu negara Indonesiaancam orang asli. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2019/08/601786/pemindahan-ibu-negara-indonesia-ancam-orang-asli>
- Berita Harian Online. (26 Disember, 2019). Indonesia pindah ibu negara, sempadan negara diperketat. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/641665/indonesia-pindah-ibu-negara-sempadan-negara-diperketat>
- Berita Harian Online. (28 September, 2017). Malaysia, Indonesia cadang tambah pos kawalan. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/331221/malaysia-indonesia-cadang-tambah-pos-kawalan>
- Berita Harian Online. (20 Oktober, 2021). Lebih 30 'pintu masuk' diguna penyeludup, PATI ke Malaysia. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/878504/lebih-30-pintu-masuk-diguna-penyeludup-pati-ke-malaysia>
- Evan Laksmana. (2019). The military and strategic implications of Indonesia's new capital. *Australia Strategic Policy Institute*. Dicapai di <https://www.aspistrategist.org.au/the-military-and-strategic-implications-of-indonesias-new-capital/>
- Farik Zolkepli. (2019). Cops: Vehicle thefts on a decline. *The Star*. Diakses dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/27/cops-vehicle-thefts-on-a-decline>
- Hanna, W.A. (1964). *The formation of Malaysia: New Factor in World Politics*. American Field University Staff.
- Hansard Parlimen (2021). Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 Bacaan Kali Yang Kedua 29 Oktober 2021. *Parlimen*. <https://www.parlimen.gov.my/hansard-dewan-rakyat.html?uweb=dr&arkib=yes>
- Hendra Manurung. (2019). *indonesia national defense: security concern for new capital in penajam paser utara, east kalimantan*. Diakses di https://www.researchgate.net/publication/335725333_indonesia_national_defense_security_concern_for_new_capital_in_penajam_paser_utara_east_kalimantan.
- Hendra Kusuma. (2019). Flashback Momen Sukarno Mau Pindahkan Ibu Kota dari Jakarta. *Detik*. Diakses di <https://finance.detik.com/properti/d-4679089/flashback-momen-sukarno-mau-pindahkan-ibu-kota-dari-jakarta>.
- Ho, H, L. (2015). *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya 1968-1989: Kebangkitan Semula dan Penumpasannya*. Penerbit Universiti Malaya.
- Jackson, R. (1991). *The Malayan Emergency: The Commonwealth's wars 1948-1966*. Routledge.
- James, H. & Denis S.S. (1965). *The Undeclared War*. Leo Cooper.
- Junaenah Sulehan, Noor Rahmah Abu Bakar, Abd Hair Awang, Mohd Yusof Abdullah & Ong, P. L. (2013). Development at the Margins: Livelihood and Sustainability of Communities at Malaysia-Indonesia Borders. *Sociology & Space*, 51(3), 547-562.
- Kong, J. (2019). *Sarawak-Kalimantan border security road network now 'crucial', says Masing*. *The Borneo Post*. Diakses di <https://www.theborneopost.com/2019/11/13/sarawak-kalimantan-border-security-road-network-now-crucial-says-masing/>
- Majalah Keselamatan (MK) Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMTTD). (2018). Sempadan Malaysia-Indonesia di Sarawak. *BTM*. Diakses di <https://btdm.my/index.php/tag/mk-pmbtd/>

- Mochammad Faisal Karim. (2015). Local-Central Dynamics and Limitations of Micro-Regionalism: Understanding West Kalimantan and Sarawak Cross-Border Cooperation. *Balanced Growth for an Inclusive and Equitable ASEAN Community*, M. Caballero-Anthony and Richard Barichello, eds, 86-124.
- Mohd Azzam Hanif Ghows. (2014). *Reminiscences of Insurrection: Malaysia's Battle Against Terrorism 1960-1990*. Wangsa Zam.
- Mohd Hairuddin Hashim. (2020). *Drug Trafficking By Foreigners: A Study Of The Security Impact Sarawak-Kalimantan Borders Starting From 2015 Until 2019*. Unpublished Thesis. Malaysia Armed Forces Staff College.
- Mohd Reduan Asli & Mohd Radzuan Ibrahim. (1984). *Polis Diraja Malaysia: Sejarah Peranan dan Cabaran*. Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd.
- Mohd Reduan Haji Asli. (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zubil Mat Som (2021). Ketua Pengarah Maritim Malaysia. Temubual bertempat di Pejabat Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Putrajaya. 24 Disember 2021 jam 1500.
- Nuurrianti Jalli & Ismail Sualman. (2020). Exploring Contemporary Security Issues Near Sarawak-Kalimantan Border. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1).
- Muji. (2019). Ini Sebab Kenapa Jokowi Pindahkan Ibu Negara Indonesia Ke Pulau Kalimantan. *Odisi*. Diakses <https://odisi.my/2019/08/4106/>
- Rifky Ardiansyah. (2019). *Kerjasama Trilateral (Indonesia-Malaysia-Filipina) Melalui Program Trilateral Maritime Patrol Indomalphi Untuk Meningkatkan Keamanan Maritim Di Laut Sulu-Sulawesi (Tahun 2016-2019)*. Master thesis, Universitas Komputer Indonesia.
- ReCAAP. (2019). Annual Report 2018. <http://recaap.org/resources/ck/files/reports/annual/annualreport2018.pdf>.
- Smith, E.D. (1985). *Counterinsurgency Operations 1: Malaya and Borneo*. Ian Allan Limited.
- Tan, G. (2008). *Indonesian Confrontation and Sarawak Communist Insurgency 1963-1966: experiences of a local Reporter*. Penerbitan Sehati Sdn. Bhd.
- The Star. (2019). *Security needs to be beefed up at Sabah, Sarawak borders*. *The Star*. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2009/08/30/security-needs-to-be-beefed-up-at-sabah-sarawak-borders>
- The Star. (2020). *Sarawak cops beefing up border security ahead of Indonesia's capital relocation*. *The Star*. Diakses di <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/01/09/sarawak-cops-beefing-up-border-security-ahead-of-indonesia039s-capital-relocation>
- Vina Fadhotul Mukaromah. (2020). Hari Ini dalam Sejarah: Pindahan Ibu Kota ke Yogyakarta. *Kompas*. Diakses di <https://www.kompas.com/tren/read/2020/01/03/100542365/hari-ini-dalam-sejarah-pindahan-ibu-kota-ke-yogyakarta?page=all>.
- Wadley, R. L., & Eilenberg, M. (2005). Autonomy, identity, and 'illegal' logging in the borderland of West Kalimantan, Indonesia. *The Asia Pacific Journal of Anthropology*, 6(1), 19-34.
- Wartakota. (2019). Ibu Kota Baru Indonesia, Ada 5.737 Anggota TNI Hingga Paspampres Pindah ke Kalimantan Timur. *Wartakota*. Diakses di <https://wartakota.tribunnews.com/2019/09/27/ibu-kota-baru-indonesia-ada-5737-anggota-tni-hingga-paspampres-pindah-ke-kalimantan-timur>
- Wirajuda Hassan. (2021). Menteri Luar Negeri Indonesia 2001-2009. Jakarta. Museum Nasional. Wawancara, 21 Jun 2021 pukul 14.00.